

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran pada upacara Pembukaan Kursus Pentadbiran dan Pengurusan bagi Pegawai2 Kementerian Pelajaran pada 6hb April, 1971 Pukul 8.45 pagi di-Dewan Latihan Pegawai2 Kerajaan, Jalan Ilmu, Petaling Jaya.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengetua, Dewan Latihan Pegawai2 Kerajaan, kerana menjemput saya untuk membuka Kursus Pentadbiran dan Pengurusan yang telah di-atornkan khas untuk pegawai2 Kementerian Pelajaran. Saya menganggap kursus ini amat penting kerana, ada-lah mustahak bagi pegawai2 sentiasa berusaha untuk meninggikan mutu perkhidmatan dan kecekapan mereka. Saya di-fahamkan bahawa, ini-lah pertama kali-nya Dewan Latihan ini, mengadakan kursus latihan khas bagi pegawai2 Kementerian Pelajaran. Saya harap banyak lagi kursus2 sa-umpama ini, akan di-adakan dari semasa kesemasa pada masa akan datang.

2. Saya tidak berhadang hendak berchakap dengan panjang lebar tetapi sa-kadar menegaskan perkara2 yang saya anggap penting jika sekira-nya pentadbiran hendak berjalan dengan lincis dan cekap.

3. Pertama, semua pegawai2 mesti-lah memahami benar2 akan dasar2 dan mutlumat2 Kerajaan. Sabagai pegawai2 Kementerian Pelajaran, ada-lah mustahak bagi tuan2 memahami betul2 akan dasar pelajaran dan mutlumat2 yang terkandung dalam dasar itu, kerana ada-lah tidak mungkin bagi tuan2 melaksanakan dasar2 itu jika sekira-nya tuan2 tidak faham dengan sa-dalam2-nya akan dasar itu. Dasar pelajaran kita terkandung dalam Penyata Razak, Penyata Rahman Talib dan Akta Pelajaran, 1961 serta tambahan2 kapada-nya. Oleh yang demikian, ada-lah mustahak bagi tuan2 semua tahu akan kandungan2 dalam Penyata2 dan Akta tersebut, apa-tah lagi mempunyai naskah2 itu.

4. Kedua, dalam zaman pembangunan ini, ada-lah mustahak bagi tuan2 semua menukar chara berfikir sa-laras dengan kehendak masa. Tuan2 tidak lagi berkhidmat dalam sa-buah negara yang terjajah, tetapi dalam sa-buah negara yang sudah merdeka. Kerajaan

negara kita ada-lah Kerajaan yang di-pilih oleh ra'ayat dan Kerajaan ini di-pilih atas dasar2-nya dengan itu, dasar2 tersebut mencherminkan hasrat2 ra'ayat. Sebagai pegawai2 yang bertanggung jawab dalam melaksanakan dasar2 itu, perkara ini amat-lah perlu di-ingat sa-tiap masa. Dalam menjalankan dasar2 itu, mungkin terdapat beberapa kesulitan2 dan halangan2 di-sebabkan oleh peratoran2 yang sedia ada. Jika terdapat kesulitan2 dan halangan2 demikian, ia-nya hendak-lah di-ubah supaya sesuai dengan keadaan. Ra'ayat hanya mahu hasil2 sahaja. Chara2 menchapai hasil2 itu tidak penting kepada mereka. Ra'ayat berkehendakan hasrat2-nya di-sempurnakan.

5. Ketiga, ia-lah mengenai perhubungan dengan orang ramai. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, Kerajaan kita ada-lah di-pilih oleh orang ramai dan orang ramai mengharapkan Kerajaan memenohi hasrat2 mereka. Kepada orang ramai, chara pegawai2 Kerajaan menjalankan tugas mereka ada-lah mencherminkan kecekapan atau kelemahan sa-sabuah Kerajaan itu. Oleh yang demikian, orang ramai hendak-lah di-beri layanan yang sempurna dan tuan2 tidak sa-harus-nya bersikap sombong atau bongkak jika sekira-nya mereka berkehendakan sa-barang pertolongan atau penerangan. Dalam masa'elah perhubungan dengan orang ramai ini juga, tuan2 hendak-lah berdamping rapat dengan wakil2 ra'ayat di-tempat tuan2 kerana wakil2 ra'ayat itu ada-lah bertanggung jawab kepada orang ramai yang telah memilih mereka sabagai wakil-nya.

6. Perkara yang akhir yang ingin saya tegaskan, ia-lah tentang mustahak-nya semua lapisan pegawai dalam Kementerian Pelajaran menjalankan kerja sabagai satu pasukan (working as a team). Sabagaimana dalam Kementerian2 lain, pegawai2 dalam Kementerian Pelajaran boleh di-bahagikan kepada dua gulongan. Satu gulongan ia-lah gulongan 'professional', dan satu lagi ia-lah gulongan pentadbir. Walau pun demikian, mereka hendak-lah ingat bahawa mereka bertugas dalam Kementerian yang satu. Pegawai2 'professional' tidak sa-harus-nya menganggap mereka itu sa-mata2 bertanggung jawab dalam melaksanakan dasar. Sabalek-nya, pegawai2 pentadbir tidak saharus-nya pula menganggap bahawa mereka itu sa-mata2 bertanggung jawab untok menentukan dasar. Orang ramai tidak faham tentang pembahagian2 tugas. Yang mereka tahu, ia-lah Kementerian Pelajaran, dan jika sekira-nya ada apa2 kelemahan, seluruh Kementerian akan terlibat. Oleh yang demikian, pegawai2 'professional' dan pegawai2 pentadbir hendak-lah berhubung rapat dan bekerja dengan persefahaman dan saling bantu membantu antara satu sama lain.

7. Akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan ber-
banyak2 terima kasih kepada Pengetua dan Pegawai2 yang berkenaan
yang menganjur dan menghadhiri kursus ini. Saya berharap tujuan
masing2 akan berhasil. Dengan ini, saya dengan sukachita-nya
meresmikan Kursus Pentadbiran bagi Pegawai2 Kementerian Pelajaran.

Kementerian Pelajaran,
Kuala Lumpur.

6hb. April, 1971.



No Siri 20
No. Penerimaan 20/80